

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	26 / 7 / 2017

Pemuda Umno, Armada bertembung

Sinar Harian - 26/7/2017 Pg. 2 Foto: SHARIFUDIN ABUL RAHIM

SITI ZUBAIDAH MAT ISA
& MUHAMMAD AIMAN MOHD RAZALI

KUALA LUMPUR - Cubaan menghantar kad undangan menghadiri program Nothing to Hide 2.0 (N2H2) oleh sekumpulan Pemuda Armada Bersatu bertukar kecoh apabila mereka dihalang ketika cuba memasuki Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Kejadian dipercayai berlaku jam 3 petang, apabila Pemuda Armada seramai 30 orang yang pada awalnya mahu berarak secara aman menuju PWTC dari pusat beli-belah Sunway Putra, dihalang kira-kira 100 Pemuda Umno.

Exco Armada, Ashraf Mustaqim mendakwa, beliau ditumbuk dalam insiden berkenaan.

"Tadi saya ditolak dan ditumbuk apabila mereka (Pemuda Umno) maju ke depan sehingga terkoyak kain saya," katanya sambil menunjukkan kain sampin yang terkoyak kepada media.

Kejadian tersebut memaksa polis campur tangan dan mengarahkan Pemuda Armada masuk ke dalam Sunway Putra, namun pertelagahan berterusan berlaku hingga ke bahagian parkir pasar raya berkenaan.

"Kau kata aku pukul kau tadi, kau kata Armand pukul kau tadi?" kata Exco Pemuda Umno, Datuk Armand Azha kepada Ashraf di kawasan parkir Sunway Putra.

Tolak menolak sekali lagi berlaku di situ, sambil Ashraf dipaksa mengaku tidak dipukul dalam per-



Ashraf menunjukkan ketidakpuasan hati ketika kekecohan berlaku apabila hadir untuk menyerahkan kad undangan Himpunan Nothing To Hide 2.0.



Armand Azha ditenangkan ketika kekecohan berlaku antara Armada dan Pemuda Umno, semalam.

INFO
● Pemuda Armada Bersatu dakwa ditumbuk

● Dihalang hantar undangan program Nothing to Hide 2.0 (N2H2) kepada Umno

gelutan sebelumnya.

Insiden berakhir apabila polis mengarahkan kumpulan Pemuda Armada bersurai dari pasar raya berkenaan.

Sementara itu, Ashraf berkata, pihaknya hanya mahu menghantar surat undangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan semua kepimpinan Umno untuk hadir program tersebut.

"Ini adalah kad undangan untuk program N2H2. Jadi, kita nampak perbuatan hooligan dan tidak mencerminkan orang Melayu. Hari tu saya datang berdua, hari ni saya bawa ramai sikit sebab kami nak pergi beraya, tapi macam ini cara kami disambut.

"Tujuannya nak hantar kad undangan, bukanlah kita nak cari fasal, bukanlah kita berhimpun suka-suka atau nak buat provokasi. Kawan-kawan media boleh nilai sendiri siapa nak provokesiapa. Tadi saya ditolak dan tumbuk, mereka telah menolak. Kita harap semua profesional," katanya.

Hanya tolak menolak
Bagaimanapun, Ketua Umno Wilayah Persekutuan, Mohd Razlan

Mohamad Rafi menafikan berlaku tumbuk-menumbuk, sebaliknya hanya tolak-menolak.

"Kalau nak hantar undangan ada caranya, hantar elok-elok. Ini nak heboh, nak datang beramai-ramai ke bangunan kami. Menjadi tanggungjawab kami mempertahankan bangunan kami," katanya sambil turut mendesak agar Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad menjawab semua tuduhan dalam skandal forex.

Terdahulu, Armada akan menganjurkan forum Nothing to Hide kedua menjelang akhir bulan ini dengan menampilkan pengerusi parti itu.

Armada turut mencabar Najib hadir forum berkenaan, yang menjadi peluang terbaik untuk beliau

membersihkan namanya.

Dalam pada itu, Armand Azha dalam ucapannya memuji kecekalan Pemuda Umno yang hadir.

"Kita dah nampak siapa anak jantan dan siapa bukan. Anak jantan hari ini ada di hadapan saya. Tuan-tuan semua adalah panglima gari-san hadapan Pemuda Umno.

"Jelas tadi, nak lintas jalan pun tak lepas. Bukan setakat nak lintas jalan, nak langka ke hadapan pun tak berani.

"Kalau semangat ini mereka dah tak berani, belum lagi kita bunyikan gendang perang. Kalau kita bunyikan gendang perang, akan bangkit ratusan ribu anak Pemuda Umno untuk pertahankan martabat agama," katanya.



Sedikit kekecohan berlaku ketika ahli-ahli Armada hadir untuk menyerahkan kad undangan Himpunan Nothing To Hide 2.0, semalam.

Polis jalankan siasatan kekecohan

POLIS akan menjalankan siasatan berhubung kekecohan berlaku melibatkan Pemuda Armada Bersatu dan Pemuda Umno.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohd Sukri Kaman berkata, kira-kira jam 2.30 petang semalam, satu kumpulan lelaki seramai 30 orang berkumpul dan seterusnya berarak menuju ke Menara Dato' Onn, PWTC, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.

"Insiden berlaku ketika kumpulan lelaki tersebut berjalan kaki dari belakang Sunway

Putra ke arah PWTC dan sebaik sampai di lampu isyarat persimpangan Jalan Putra dan Jalan Tun Ismail, satu kumpulan lelaki lagi yang datang dari arah PWTC telah menghalang kumpulan terbabit daripada terus ke PWTC.

"Polis berjaya kawal keadaan dalam masa lebih kurang 15 minit. Semua yang terlibat bersurai meninggalkan lokasi.

"Kami masih menjalankan siasatan lanjut. Tiada notis pemberitahuan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 dikemukakan," katanya.